

# Larang Jainj jumpa Jakim



1

SULTAN Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah supaya Jabatan Agama Islam Negeri Johor (Jainj) tidak lagi berurusan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) selepas ini.

Baginda bertitah, Jakim turut tidak perlu beri pandangan kepada negeri Johor, yang mana semua orang tahu urusan berkaitan dengan agama adalah di bawah kuasa negeri seperti termaktub dalam perjanjian Persekutuan.

Sultan Ibrahim berkata demikian susulan Pegawai Kader Jakim, Dr Zamihan Mat Zin mengkritik baginda mengenai isu dobi mesra muslim di Muar, yang tular di media sosial baru-baru ini.

“Beberapa orang mufti dan pakar agama telah keluarkan pandangan dan

hujah mereka berkaitan perkara ini, namun malangnya ada pula seorang penceramah bernama Ustaz Zamihan Mat Zin mengkritik tindakan saya dan memperlekeh mufti-mufti tersebut.

“Gaya cakapnya sangat angkuh dan sompong, seolah-olah dia sahaja yang betul dan mencerca bangsa lain.

“Saya anggap dia hanya seperti tin kosong yang tidak ada otak,” titah Sultan Ibrahim ketika Majlis Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kali ke-17.

Titah Sultan Ibrahim, Zamihan juga berbohong selepas cuba menafikan beliau menyebut perkara itu setelah dikecam orang ramai.

1,164,544 BACAAN